



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

AKTIVITI PENGANGKUTAN HAIWAN (BABI)



DVS/KAKH/13/2019

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENGANGKUTAN HAIWAN (BABI)

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 8685
E-mel : pro@dvs.gov.my

Edisi Pertama : 2019
Edisi Kedua : 2020

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

ISI KANDUNGAN

1.0	Pengenalan	1
2.0	Objektif	1
3.0	Skop	2
4.0	Definisi	2
5.0	Kata Singkatan	3
6.0	Pengangkutan Haiwan	4
7.0	Keperluan Umum Pengangkutan Haiwan	5
8.0	Tanggungjawab Pemunya dan Pengendali Haiwan	5
9.0	Kompetensi Pemunya dan Pengendali Haiwan	8
10.0	Merancang Perjalanan Pengangkut Babi	9
11.0	Prosedur Awal Sebelum Perjalanan	13
12.0	Memuatkan Babi Dalam Perjalanan	15
13.0	Keperluan Semasa Perjalanan	16
14.0	Menurunkan Babi Selepas Perjalanan	18
15.0	Rujukan	20
16.0	Lampiran	21

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta 772, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang mengandungi piawaian serta garis panduan berkaitan kebajikan haiwan. KAKH ini berperanan menjadi rujukan kepada pemilik lesen dan juga mana-mana pihak yang berkenaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang terlibat dalam aktiviti di atas sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah diharapkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini dapat dilaksanakan semasa mengendalikan haiwan dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa kerja, agensi kerajaan, pihak NGO dan semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENGANGKUTAN HAIWAN (BABI)

1.0 PENDAHULUAN

Dalam menguruskan haiwan, kebajikan dan kesejahteraan haiwan hendaklah diutamakan pada setiap masa. Lima keperluan haiwan bagi memenuhi kebajikan haiwan perlu diambil kira dalam semua aspek pengendalian serta pengurusan pengangkutan babi adalah:

- i. Keperluan kepada persekitaran yang sesuai;
- ii. Keperluannya untuk diet yang sesuai;
- iii. Keperluannya untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakuannya yang semula jadi;
- iv. Keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- v. Keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) ini perlu dipatuhi oleh pemunya dan pengendali yang terlibat dengan pengangkutan ternakan babi dan memberikan panduan yang jelas untuk mendapatkan pengangkut haiwan yang bersesuaian untuk mengangkut babi dengan kemudahan peralatan tambahan yang diperlukan.

2.0 OBJEKTIF

Objektif utama KAKH ini ialah:

- 2.1 Memastikan kebajikan dan kesejahteraan babi terpelihara ketika proses pemindahan babi melalui apa jua cara pengangkut haiwan yang diguna pakai.
- 2.2 Memberi panduan kepada pemunya atau pengendali mana-mana pengangkut haiwan babi berkenaan kewajipan yang perlu dilaksanakan.

3.0 SKOP

KAKH ini merangkumi perkara seperti berikut:

- 3.1 Tingkah laku ternakan babi
- 3.2 Faktor-faktor yang boleh menyebabkan kecederaan atau penderitaan
- 3.3 Tanggung jawab pemunya atau pengendali ternakan babi
- 3.4 Kompetensi pemunya dan pengendali
- 3.5 Perancangan perjalanan pengangkut ternakan babi
- 3.6 Dokumentasi perjalanan
- 3.7 Prosedur awal sebelum perjalanan
- 3.8 Menaikkan babi ke dalam pengangkut haiwan
- 3.9 Keperluan semasa perjalanan
- 3.10 Proses penurunan dan pengendalian babi selepas perjalanan
- 3.11 Tindakan sekiranya perjalanan terpaksa dihentikan

4.0 DEFINISI

- 4.1 Fasiliti
Mana-mana peralatan atau kemudahan yang digunakan semasa mengendalikan babi termasuk sangkar, tanjakan, sumber air, alat penggerak babi dan lain-lain.
- 4.2 Kompetensi
Kebolehan, pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu kerja dengan cekap dan berkesan.
- 4.3 Pemindahan
Perbuatan atau hal memindahkan ternakan babi dari premis ke premis menggunakan pengangkut ternakan babi.

- 4.4 Pemunya
Mana-mana orang yang memiliki ternakan babi atau mana-mana orang yang bertanggungjawab ke atas ternakan babi termasuk penjual dan pembeli.
- 4.5 Pengangkut Haiwan
Apa-apa Pengangkut haiwan haiwan yang berdaftar dengan Lembaga Kebajikan Haiwan yang diklasifikasikan sebagai Lori Pembawa 'A' atau Lori Pembawa 'C' (merujuk kepada pelesenan kenderaan di bawah Suruhanjaya Pengangkut haiwanan Awam Darat) yang digunakan untuk memindahkan proses membawa dan memindahkan babi dari ladang ke ladang, ladang ke pusat penyembelihan, pintu masuk negara ke ladang dan pergerakan dari satu negeri ke negeri yang lain.
- 4.6 Pengendali
Orang yang diupah atau diarah oleh pemunya untuk pemindahan ternakan babi.
- 4.7 Pengendalian
Perbuatan atau hal menguruskan proses pemindahan ternakan babi termasuk memuat, mengangkut dan menurunkan ternakan.
- 4.8 Premis
Ladang ternakan babi, rumah sembelih, pusat kuarantin yang menjalankan aktiviti berkaitan ternakan babi.

5.0 KATA SINGKATAN

- 5.1 AKP - Akuan Kebenaran Pindah
- 5.2 APTVM - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
- 5.3 DVS - Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- 5.4 JPJ - Jabatan Pengangkutan Jalan
- 5.5 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan
- 5.6 SKV - Sijil Kesihatan Veterinar

6.0 PENGANGKUT TERNAKAN BABI

Rekabentuk pengangkut haiwan hendaklah sesuai untuk meminimumkan potensi gangguan terhadap ternakan babi. Perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian semasa menjalankan proses pengangkut ternakan babi:

- 6.1 Lantai pengangkut haiwan hendaklah dibuat daripada "stainless steel" yang rata dan tidak licin serta tidak menakung air.
- 6.2 Lantai pengangkut haiwan hendaklah direka dalam keadaan condong dari hujung pintu masuk pengangkut haiwan ke ruang dalam pengangkut haiwan.
- 6.3 Dinding pengangkut haiwan hendaklah bebas daripada perkara-perkara yang boleh mendatangkan kecederaan kepada babi.
- 6.4 Pengangkut haiwan babi hendaklah mempunyai bumbung tertutup dan tidak terdedah kepada cahaya matahari secara langsung untuk mengelakkan ketidakselesaan kepada babi.
- 6.5 Pengangkut haiwan hendaklah dilengkapi dengan sistem pengudaraan yang baik dan boleh diubahsuai untuk keselesaan babi semasa pengangkut haiwan.
- 6.6 Pengangkut haiwan hendaklah dilengkapi dengan makanan dan sumber air minuman yang secukupnya.
- 6.7 Pengangkut haiwan hendaklah dilengkapi dengan tangki takungan sisa babi (najis dan air buangan) yang sesuai dibahagian bawah lantai pengangkut haiwan.
- 6.8 Tangki takungan najis babi hendaklah dipasang dengan penahan (*stopper*) untuk memudahkan pengeluaran najis sejurus sampai di destinasi akhir.
- 6.9 Pengangkut haiwan dan fasiliti pemunggahan haruslah direka bentuk, dibina dan diselenggara untuk memastikan keselamatan ternakan ruminan serta mengurangkan tekanan, kecederaan, kesakitan, ketidakselesaan dan kematian ternakan ruminan sepanjang proses pemindahan yang diluluskan oleh pihak berkuasa.

- 6.10 Pengangkut haiwan mestilah mempunyai peti kecemasan seperti dalam **Lampiran 1**.

7.0 KEPERLUAN UMUM PENGANGKUT HAIWAN

- 7.1 Peralatan tajam di dalam pengangkut haiwan hendaklah dielakkan.
- 7.2 Memasang penghadang/penutup di kedua-dua belah pengangkut haiwan supaya haiwan tidak cedera atau bertindak agresif jika ada keperluan untuk pemeriksaan babi.
- 7.3 Mengalihkan rantai-rantai atau sebarang objek yang tergantung di sekeliling pengangkut haiwan.
- 7.4 Gangguan bunyi yang dihasilkan oleh pengangkut ternakan babi perlulah diminimumkan.
- 7.5 Bunyi dentang-dentum yang dikeluarkan oleh bahan-bahan logam hendaklah dikurangkan dengan memasang pelapik/penahan getah di antara bahan-bahan logam tersebut.
- 7.6 Pengangkut haiwan hendaklah bebas dari sebarang bahan kimia yang boleh mengganggu dan memudaratkan kesejahteraan babi semasa proses mengangkut haiwan.
- 7.7 Bahan yang digunakan sebagai alas tidur (*bedding*) hendaklah bersesuaian dan tidak menyebabkan kecederaan atau penyakit pada babi. (Contoh alas tidur adalah jerami dan hampas kayu)

8.0 TANGGUNGJAWAB PEMUNYA ATAU PENGENDALI BABI

Kebajikan babi hendaklah diutamakan semasa dalam perjalanan dan ia merupakan tanggungjawab semua pihak yang terlibat. Tanggungjawab pihak yang terlibat adalah seperti:

- 8.1 Pemunya atau pengendali babi hendaklah:
- 8.1.1 Memahami kesihatan dan kebajikan babi pada keseluruhannya untuk sesuatu perjalanan.
 - 8.1.2 Memastikan semua syarat veterinar atau mana-mana sijil yang diperlukan dipatuhi.

- 8.1.3 Memastikan kehadiran pekerja yang mahir dalam pengendalian babi semasa pemindahan.
- 8.1.4 Memastikan bilangan pekerja yang mencukupi dan mahir semasa memuat naik dan menurunkan babi dari pengangkut haiwan.
- 8.1.5 Memastikan semua peralatan yang sesuai dan perkhidmatan doktor veterinar berdaftar veterinar mudah diperolehi dengan segera semasa pemindahan babi.
- 8.2 Agen perniagaan, agen pembeli atau penjual hendaklah memilih babi yang sihat dan sesuai untuk dipindahkan.
- 8.3 Pemunya atau pengendali babi bertanggungjawab untuk pengendalian semua babi dengan berperikemanusiaan. Mereka hendaklah menyimpan rekod untuk sesuatu perjalanan. Untuk menjalankan tugas mereka dengan berkesan, mereka perlu mengambil tindakan segera dalam keadaan yang mendesak.
- 8.4 Syarikat-syarikat pengangkut haiwan, pemilik pengangkut haiwan dan pemandu pengangkut haiwan adalah bertanggungjawab untuk merancang sesuatu perjalanan dan memastikan kebajikan babi terpelihara. Mereka hendaklah:
 - 8.4.1 Memilih pengangkut haiwan yang sesuai untuk sesuatu perjalanan babi yang hendak dipindahkan.
 - 8.4.2 Memastikan perkerja-perkerja yang mahir sahaja menguruskan kerja-kerja seperti memuatkan dan menurunkan babi.
 - 8.4.3 Merancang dan mempunyai pelan kontigensi semasa kecemasan (termasuk keadaan cuaca) untuk meminimumkan tahap tekanan (*stress*) babi semasa perjalanan
 - 8.4.4 Merancang pelan untuk sesuatu perjalanan termasuk pelan untuk memuatkan babi, tempoh perjalanan, dan lokasi sementara untuk berehat

- 8.4.5 Memuatnaik babi yang sihat dan sesuai sahaja dalam sesuatu perjalanan. Mengendalikan babi tersebut dengan cara yang betul dan membenarkan pemeriksaan semasa kecemasan. Sekiranya sesuatu babi disyaki kurang sesuai untuk perjalanan, ia hendaklah diperiksa oleh seorang doktor veterinar berdaftar terlebih dahulu
 - 8.4.6 Memastikan kebajikan haiwan terpelihara di sepanjang perjalanan.
- 8.5 Pengurus fasiliti yang terlibat pada peringkat permulaan sehingga akhir sesuatu perjalanan hendaklah:
- 8.5.1 Menyediakan kawasan sesuai yang terlindung daripada keadaan cuaca yang buruk untuk memuatkan, menurunkan atau menahan babi sehingga perjalanan seterusnya untuk jualan, penyembelihan atau pemeliharaan.
 - 8.5.2 Memastikan bilangan pekerja mahir adalah mencukupi untuk memuatkan, menurunkan, memandu dan pengendalian babi tanpa menyebabkan tekanan (*stress*) pada babi tersebut, dan kecederaan yang minimum.
 - 8.5.3 Meminimalkan risiko jangkitan penyakit
 - 8.5.4 Menyediakan fasiliti yang sesuai dan makanan serta air minuman yang mencukupi.
 - 8.5.5 Menyediakan fasiliti yang sesuai untuk kecemasan.
 - 8.5.6 Menyediakan fasiliti untuk membersihkan dan membasmi kuman pada pengangkut haiwan selepas menurunkan babi.
 - 8.5.7 Menyediakan fasiliti yang sesuai sekiranya memerlukan eutanasia dan proses ini mesti dilakukan oleh doktor veterinar berdaftar.
 - 8.5.8 Memastikan masa rehat yang mencukupi dan mengurangkan penangguhan dalam perjalanan

- 8.6 Pemandu pengangkut haiwan hendaklah mengambil langkah-langkah yang wajar semasa proses pemindahan ternakan babi, mematuhi KAKH berkaitan kebajikan babi yang disediakan oleh pihak berkuasa veterinar dengan mematuhi perkara-perkara berikut:
- 8.6.1 Prosedur sebelum, semasa dan selepas sesuatu perjalanan;
 - 8.6.2 Spesifikasi dalam menyediakan fasiliti, kontena dan pengangkut haiwan babi
 - 8.6.3 Menghadiri latihan yang disediakan oleh pihak berkuasa veterinar dalam isu-isu yang berkaitan dengan kebajikan haiwan
 - 8.6.4 Memantau elemen kebajikan haiwan seperti yang disyorkan oleh pihak berkuasa veterinar
- 8.7 Pemandu pengangkut haiwan hendaklah melaporkan apa-apa masalah kebajikan haiwan yang berlaku semasa perjalanan kepada pihak berkuasa veterinar.
- 8.8 Pengurus hendaklah memastikan pemilik mempunyai dokumentasi pemindahan termasuk SKV dan AKP diperolehi seperti yang dinyatakan di dalam APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan Dalam Negeri (No. Dokumentasi: APTVM 22(d):1/2011) untuk setiap pemindahan.

9.0 KOMPETENSI PEMUNYA DAN PENGENDALI BABI

- 9.1 Pemunya atau pengendali hendaklah kompeten dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Kompetensi boleh diperolehi melalui latihan yang disediakan oleh pihak berkuasa veterinar atau agensi-agensi yang telah diiktiraf oleh pihak berkuasa veterinar.
- 9.2 Seseorang pengendali babi hendaklah mahir dan berpengetahuan serta berkemampuan untuk mempraktikkan perkara-perkara berikut:
- 9.2.1 Merancang sesuatu perjalanan, mengambil kira keperluan ruang, makanan, minuman dan sistem pengudaraan pengangkut haiwan babi.

- 9.2.2 Bertanggungjawab ke atas kesihatan dan keselesaan babi semasa perjalanan.
- 9.2.3 Sebagai sumber khidmat nasihat dan bantuan.
- 9.2.4 Memahami kelakuan babi, tanda-tanda umum penyakit, dan tanda isu-isu kebajikan haiwan seperti tekanan (*stress*), kesakitan, kecederaan, kelesuan dan kaedah rawatannya.
- 9.2.5 Memiliki kemahiran asas untuk menilai babi yang hendak dipindahkan dan merujuk kepada doktor veterinar berdaftar sekiranya memerlukan penjelasan.
- 9.2.6 Mematuhi segala peraturan berkenaan dengan pengangkutan babi dan mengguna pakai dokumen-dokumen yang berkaitan.
- 9.2.7 Mematuhi kaedah-kaedah pemeriksaan babi dan prosedur-prosedur kawalan penyakit yang asas, termasuk pembersihan dan pembasmian kuman.
- 9.2.8 mempraktikkan cara-cara yang betul semasa pengendalian babi semasa perjalanan dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan seperti menaik dan menurunkan babi.
- 9.2.9 Berkebolehan untuk menguruskan situasi yang sering dihadapi dalam perjalanan seperti keadaan cuaca yang tidak menentu dan keadaan kecemasan.
- 9.2.10 Menyelenggara buku rekod perjalanan dan rekod-rekod yang berkaitan perjalanan.

10.0 MERANCANG PERJALANAN PENGANGKUT BABI

10.1 Perancangan awal

- 10.1.1 Perancangan awal perjalanan merupakan strategi utama dalam menjaga kebajikan babi.
- 10.1.2 Sebelum sesuatu perjalanan dimulakan, perkara-perkara seperti di bawah hendaklah dirancang terlebih dahulu:

- a. Pemilihan dan pengumpulan babi sebelum perjalanan;
- b. Pemilihan jenis pengangkut haiwan yang sesuai;
- c. Penentuan jangkamasa dan persekitaran sesuatu perjalanan
- d. Reka bentuk dan penyelenggaraan tempat muatan babi semasa perjalanan
- e. Dokumen-dokumen yang diperlukan
- f. Kapasiti ruang perlu seimbang dengan babi dalam pengangkut haiwanan;
- g. Tempoh masa rehat, makan dan minum yang mencukupi (sebelum perjalanan);
- h. Pemerhatian babi semasa dalam perjalanan;
- i. Faktor-faktor kawalan penyakit
- j. Prosedur semasa kecemasan;
- k. Sentiasa peka pada keadaan cuaca (keadaan yang terlalu panas atau terlalu sejuk semasa perjalanan)
- l. Menentukan masa dan persekitaran yang sesuai semasa pemindahan babi dari suatu jenis pengangkut haiwan ke pengangkut haiwan yang lain.

10.1.3 Pemandu hendaklah mengambil kira unsur-unsur kebajikan haiwan seperti tempoh masa dan jarak perjalanan.

10.2 Penyediaan babi untuk sesuatu perjalanan

Babi dikendalikan dengan baik supaya tidak menghadapi tekanan (*stress*) pada permulaan dan semasa perjalanan. Babi perlulah dikendalikan tanpa menakutkannya supaya mudah didekati.

10.3 Jarak dan tempoh masa perjalanan

Jarak dan tempoh masa sesuatu perjalanan hendaklah ditentukan melalui faktor-faktor berikut:

10.3.1 Kemampuan babi untuk menangani tekanan (*stress*) yang dialami dalam perjalanan.

10.3.2 Pengangkut haiwan dan rekaan kurungan serta kerja-kerja penyelenggaraan pengangkut haiwan.

- 10.3.3 Pengangkut haiwan dan kurungan yang digunakan hendaklah direka supaya ianya sesuai untuk baka, saiz dan berat babi yang dibawa. Reka bentuk atau benda-benda yang mempunyai penjuru yang tajam tidak harus digunakan.
- 10.3.4 Pengangkut haiwan dan kurungan hendaklah direka bersesuaian agar ia dapat memberi perlindungan dari semua keadaan cuaca, meminimalkan peluang babi yang diangkut melepaskan diri dan mudah dibersihkan dan dibasmi kuman.
- 10.3.5 Pengangkut haiwan dan kurungan yang digunakan hendaklah dijaga supaya kesemuanya dalam kondisi struktur dan fungsi yang baik.
- 10.3.6 Kesemua pengangkut haiwan dan kurungan hendaklah mempunyai sistem pengudaraan yang baik. Sistem pengudaraan, sama ada semulajadi atau secara mekanikal, hendaklah mempunyai kesan yang sama walaupun pengangkut haiwan tersebut tidak bergerak.
- 10.3.7 Pengangkut haiwan hendaklah direka agar bahan buangan daripada babi di tingkat atas tidak mengotorkan babi di tingkat bawah, atau makanan dan air di bahagian bawah.
- 10.3.8 Bahan-bahan (*bedding material*) yang sesuai hendaklah ditambahkan di atas lantai pengangkut haiwan untuk menyerap bahan buangan daripada babi bagi mengelakkan babi dari tergelincir, dan memberi perlindungan kepada babi daripada permukaan yang keras dan perubahan cuaca yang drastik.
- 10.3.9 Kurungan dalam pengangkut ternakan babi hendaklah dipasang dengan kemas sebelum permulaan perjalanan agar ia tidak terkeluar daripada tempatnya semasa pergerakan.
- 10.3.10 Jumlah babi yang boleh dipindahkan dalam sesebuah pengangkut haiwan atau dalam sesuatu kurungan dan ruangan khas untuk setiap babi hendaklah ditetapkan sebelum setiap perjalanan.

- 10.3.11 Ruang yang diperlukan untuk setiap ekor babi ditentukan melalui keadaan babi tersebut berdiri atau duduk di dalam sesebuah pengangkut haiwan atau kurungan tersebut.
- 10.3.12 Perlu menyediakan ruangan yang mencukupi untuk pengimbangan semasa babi dalam keadaan berdiri.
- 10.3.13 Semasa babi dalam keadaan berdiri, tidak boleh menyentuh bumbung atau bahagian atas sesuatu pengangkut haiwan atau kurungan.
- 10.3.14 Mengelakkan membawa babi dalam kuantiti yang banyak.
- 10.3.15 Faktor-faktor lain yang mempengaruhi ruang di antara babi:
 - a. Rekaan sesuatu pengangkut haiwan atau kurungan;
 - b. Tempoh masa dan jarak sesuatu perjalanan;
 - c. Keperluan untuk makan dan minum semasa dalam sesuatu pengangkut haiwan;
 - d. Keadaan cuaca;
 - e. Baka, jantina, kategori dan saiz babi.
- 10.4 Masa untuk berehat dan makanan serta air minuman
Makanan dan air minuman yang sesuai serta masa berehat hendaklah diberikan mengikut keperluan babi, lingkungan umur, kesihatan babi, jangka masa, jarak perjalanan dan keadaan cuaca.
- 10.5 Kemampuan Untuk Memerhatikan babi Semasa Dalam Perjalanan
Babi hendaklah ditempatkan dalam pengangkut haiwan dengan susunan yang sesuai, teratur dan selesa supaya ia dapat dilihat dan dipantau sepanjang perjalanan.
- 10.6 Prosedur semasa kecemasan
 - 10.6.1 Prosedur semasa kecemasan hendaklah dirancang dengan mengenalpasti hal-hal kecemasan yang berkemungkinan boleh berlaku semasa sesuatu perjalanan itu dilakukan. Perkara yang perlu diberi perhatian adalah :

- a. Langkah-langkah yang perlu diambil semasa kecemasan.
- b. Siapa / Pihak yang bertanggungjawab.
- c. Komunikasi yang dilakukan
- d. Penyimpanan rekod.

10.6.2 Pertimbangan Yang Lain

- a. Pemindahan babi semasa keadaan cuaca yang buruk hendaklah dielakkan. Penggunaan pengangkut haiwan yang sesuai dapat meminimumkan risiko akibat perubahan cuaca yang drastik semasa pemindahan babi.
- b. Pemindahan babi pada waktu malam dapat mengurangkan tekanan kepada babi kerana suhu panas.

11.0 PROSEDUR AWAL SEBELUM PERJALANAN

11.1 Prosedur am

- 11.1.1 Mengumpul babi sebelum perjalanan di premis yang memenuhi:
 - a. Ciri-ciri keselamatan yang mencukupi;
 - b. Terlindung daripada cuaca ekstrem.
 - c. Sesuai untuk berehat dengan makanan dan air minuman yang mencukupi.
- 11.1.2 Merehatkan babi sebelum memulakan perjalanan
- 11.1.3 Memberi makanan dan air minuman yang secukupnya sebelum dan semasa perjalanan.
- 11.1.4 Membersihkan dan membasmi kuman pengangkut haiwan dan kurungan dengan baik sebelum dan selepas sesuatu perjalanan.
- 11.1.5 Pemeriksaan babi dilakukan oleh doktor veterinar berdaftar sekiranya seseorang pengendali haiwan merasakan haiwan menunjukkan tanda-tanda stress, penyakit atau kemampuan babi untuk dipindahkan diragui.

- 11.2 Pemilihan babi yang sesuai sebelum dikumpulkan:
Memasukkan babi yang telah dipilih dengan teliti dalam satu kumpulan sebelum sesuatu perjalanan. Pemilihan babi dilakukan seperti berikut:
- 11.2.1 Babi dari pelbagai baka boleh dikumpulkan dalam kumpulan yang sama kecuali jika terdapat tanda-tanda agresif; haiwan yang agresif hendaklah diasingkan.
 - 11.2.2 Memisahkan babi mengikut kategori umur dan saiz.
- 11.3 Kesesuaian untuk perjalanan (*Fitness to travel*)
- 11.3.1 Setiap babi hendaklah diperiksa oleh pengendali babi untuk mengenalpasti kesesuaian babi untuk sesuatu perjalanan. Jika terdapat keraguan, babi tersebut hendaklah diperiksa oleh Doktor Veterinar Berdaftar .
 - 11.3.2 Babi yang tidak sesuai untuk perjalanan hanya boleh dimuatkan dalam sesebuah pengangkut haiwan, untuk tujuan mendapatkan rawatan.
 - 11.3.3 Pengurusan babi yang tidak sesuai dijalankan secara berperikemanusiaan oleh pemilik dan agen untuk sesuatu perjalanan bagi mendapatkan rawatan.
 - 11.3.4 Contoh babi yang tidak sesuai untuk perjalanan:
 - a. Sakit, cedera, lemah, cacat atau keletihan;
 - b. Tidak dapat berdiri dengan betul, atau salah satu kaki tidak boleh menampung berat badan;
 - c. Kedua-dua mata buta;
 - d. Tidak dapat bergerak;
 - 11.3.5 Contoh babi yang memerlukan perhatian yang khusus semasa sesuatu perjalanan (pengangkut haiwan dan peralatan yang diubahsuaikan mengikut keperluan, atau jangkamasa sesuatu perjalanan yang pendek) termasuk:
 - a. Babi yang bersaiz besar dan/atau gemuk;
 - b. Babi yang terlalu muda, atau tua;
 - c. Babi yang agresif;
 - d. Babi yang dalam keadaan tertekan (stress) sebelum sesuatu perjalanan.

12.0 MEMUATKAN BABI DALAM PENGANGKUT HAIWAN

12.1 Penyeliaan yang cekap

- 12.1.1 Pemuatan babi ke dalam pengangkut haiwan hendaklah dirancang dengan rapi untuk mengurangkan risiko kepada babi
- 12.1.2 Pemuatan babi hendaklah dilakukan oleh pengendali yang kompeten. Babi hendaklah dihalau masuk naik ke dalam pengangkut haiwan secara baik tanpa paksaan.

12.2 Kemudahan

- 12.2.1 Kemudahan seperti premis pengumpulan babi, tempat masuk ke dalam sesuatu kurungan atau pengangkut haiwan dan tanjakan (*ramp*) hendaklah direka dengan mengikut keperluan babi.
- 12.2.2 Sistem pengudaraan yang baik hendaklah disediakan pada pengangkut haiwan bagi memastikan keselesaan babi semasa perjalanan dari segi pengawalan haba, kelembapan dan gas buangan seperti ammonia dan karbon monoksida disingkirkan dengan berkesan.

12.3 Peralatan mendorong dan alat bantuan lain untuk menggerakkan babi perlu disediakan.

Untuk pemindahan babi, sifat semulajadi babi hendaklah diambil kira. Sekiranya peralatan diperlukan untuk tujuan tersebut, prinsip-prinsip berikut hendaklah dijadikan panduan:

- 12.3.1 Babi yang mempunyai ruang terhad untuk bergerak hendaklah tidak dipaksa secara kasar dengan apa-apa peralatan. Peralatan elektrik hanya digunakan apabila diperlukan sahaja.
- 12.3.2 Sekiranya peralatan elektrik digunakan, ia hanya boleh berfungsi dengan penggunaan bateri sahaja. Peralatan ini hanya boleh digunakan di bahagian badan babi tertentu, dan tidak boleh sama sekali digunakan pada bahagian mata, mulut, telinga, perut atau organ-organ reproduktif.

- 12.3.3 Peralatan yang dibenarkan termasuk bendera, dayung plastik, atau rotan yang disalut dengan kain; kesemua peralatan ini hendaklah digunakan untuk menggalakan pergerakan tanpa menyebabkan stress kepada babi.
- 12.3.4 Perbuatan yang boleh menyebabkan kesakitan kepada babi seperti memukul, memintal ekor atau hidung, menekan bahagian mata, telinga atau organ-organ reproduktif adalah dilarang. Penggunaan alat-alat seperti kayu besar, kayu dengan hujung tajam, paip besi atau tali pinggang kulit adalah dilarang sama sekali.
- 12.3.5 Menjerit atau membuat bunyi bising yang kuat untuk menggerakkan babi hendaklah dielakkan.
- 12.3.6 Babi hendaklah diangkat dengan cara yang tidak menyakiti dan tidak menyebabkan kecederaan fizikal seperti lebam, patah tulang dan lain-lain. Cara mengangkat babi dengan memegang kaki, leher, telinga, ekor dan kepala yang menjurus kepada kesakitan serta kesengsaraan adalah dilarang kecuali dalam keadaan kecemasan di mana kebajikan haiwan atau keselamatan manusia tergugat.
- 12.3.7 Babi hendaklah tidak dicampak, dicucuk, ditarik, ditendang atau dijatuhkan.

13.0 KEPERLUAN SEMASA PERJALANAN

13.1 Pertimbangan umum

- 13.1.1 Pengendali dan pekerja mahir hendaklah memeriksa dan memastikan semua babi telah dimuatkan secara elok. Pemeriksaan kali kedua dijalankan sebelum perjalanan supaya sebarang pembetulan boleh dilakukan. Pemeriksaan tetap dilakukan sepanjang perjalanan, contohnya semasa berhenti untuk rehat, mengisi minyak dan sebagainya.
- 13.1.2 Pengendali hendaklah memastikan perjalanan pengangkutan haiwan berjalan secara lancar, tanpa membuat pusingan atau berhenti secara tiba-tiba kecuali keadaan yang mendesak.

- 13.2 Kaedah pengawalan babi yang sesuai
Kaedah yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan baka dan umur babi.
- 13.3 Mengawal suhu dalam sesuatu pengangkut haiwan atau kurungan
 - 13.3.1 Babi hendaklah terlindung daripada cuaca luar, sama ada kepanasan atau kesejukan, semasa perjalanan. Gas-gas berbahaya hendaklah dielakkan daripada terkumpul dalam kurungan atau pengangkut haiwan.
 - 13.3.2 Pengangkut babi hendaklah diletakkan di tempat yang teduh, dan babi diberi pengudaraan yang sesuai apabila pengangkut haiwan berhenti di sesuatu tempat.
 - 13.3.3 Untuk mengelakkan permukaan lantai yang kotor dan licin, tinja dan urin hendaklah dibersihkan secara berkala. Ini akan mengekalkan keadaan yang bersih, dan mengelakkan penyebaran penyakit.
- 13.4 Babi yang sakit, cedera atau mati
 - 13.4.1 Sekiranya babi sakit atau cedera, pengendali hendaklah bertindak segera untuk memberi rawatan kecemasan atau mendapatkan bantuan doktor veterinar berdaftar.
 - 13.4.2 Babi yang sakit, cedera atau mati hendaklah diasingkan dengan segera.
 - 13.4.3 Pengendali hendaklah mengetahui secara asas pemberian rawatan kecemasan dan mengetahui klinik atau tempat-tempat rawatan sepanjang perjalanan untuk mendapatkan bantuan Doktor Veterinar Berdaftar berdaftar jika perlu.
 - 13.4.4 Bagi tujuan kawalan penyakit sisa bahan buangan seperti tinja dan urin daripada babi yang diangkut hendaklah disalurkan ke tangki pengumpulan khas dan dibersihkan sejurus sampai di destinasi.

- 13.4.5 Sekiranya pelupusan bangkai babi perlu dilakukan semasa sesuatu perjalanan, pastikan ia mematuhi segala prosedur yang ditetapkan dari sudut kawalan penyakit, dan tidak mencemarkan persekitaran.
- 13.4.6 Sekiranya eutanasia diperlukan, dapatkan pengesahan daripada doktor veterinar berdaftar dan eutanasia hanya boleh dilakukan oleh doktor veterinar berdaftar.
- 13.5 Makanan dan air minuman
Mengikut jarak perjalanan dan keperluan tertentu, makanan dan air yang mencukupi hendaklah disediakan dalam pengangkut haiwan.
- 13.6 Pemerhatian atau pemeriksaan babi semasa perjalanan
 - 13.6.1 Babi hendaklah diperhatikan atau diperiksa sejurus sebelum sesuatu perjalanan bermula dan setiap kali pemandu berhenti untuk berehat.
 - 13.6.2 Pemeriksaan dilakukan untuk memastikan semua babi yang diangkut berada dalam keadaan fizikal yang baik, diberikan makan dan minum yang mencukupi atau dikunci dengan baik dalam kurungan.

14.0 MENURUNKAN BABI SELEPAS PERJALANAN

- 14.1 Kemudahan-kemudahan dan cara-cara pengawalan babi semasa menurunkan babi hendaklah dijalankan tanpa mendatangkan kecederaan atau ketidakselesaan kepada babi.
- 14.2 Penurunan babi hendaklah dilakukan di bawah penyeliaan pekerja mahir, yang mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penurunan babi. Babi hendaklah diturunkan daripada pengangkut haiwan dan dimasukkan ke premis destinasi secepat mungkin.
- 14.3 Premis destinasi hendaklah mempunyai kemudahan seperti ruang yang mencukupi, pengudaraan yang baik, pemberian makan dan minum pada babi, dan perlindungan daripada faktor cuaca.

14.5 Babi yang sakit atau cedera

- 14.5.1 Nasihat doktor veterinar berdaftar hendaklah didapatkan untuk keperluan rawatan atau euthanasia bagi babi yang sakit, cedera atau cacat akibat daripada sesuatu perjalanan. Sebarang rawatan hendaklah di bawah arahan doktor veterinar berdaftar, dan euthanasia hendaklah dilakukan oleh doktor veterinar berdaftar.
- 14.5.2 Babi yang tidak boleh bergerak disebabkan oleh keletihan atau kecederaan, pengangkut haiwan yang membawa babi hendaklah mempunyai kemudahan untuk menurunkan haiwan tersebut. Babi hendaklah diangkut dengan cara yang tidak menyebabkan kesakitan. Setelah babi diturunkan, babi yang sakit atau cedera hendaklah diasingkan untuk rawatan doktor veterinar berdaftar.
- 14.5.3 Makanan dan air minuman hendaklah diberikan kepada babi yang sakit atau cedera, kecuali diarahkan sebaliknya oleh doktor veterinar berdaftar.

14.6 Pembersihan dan pembasmian kuman

- 14.6.1 Pengangkut haiwan, kurungan dan peralatan lain yang digunakan untuk sesuatu perjalanan hendaklah dibersihkan dan dibasmi kuman sebelum perjalanan seterusnya.
- 14.6.2 Pelupusan bahan-bahan buangan atau bangkai-bangkai babi hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan menepati standard kawalan penyakit, agar tidak mencemarkan alam sekitar.

15.0 RUJUKAN

- 15.1 OIE - Terrestrial Animal Health Code – Section 7
- 15.2 Defra UK - Welfare of Animals During Transport (Pig)
- 15.3 Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).
- 15.4 agriculture.vic.gov.au/agriculture/livestock/pigs/transport-and-care-of-pigs
- 15.5 www.fao.org/3/x6909e/x6909e08.htm
- 15.6 <https://www.grandin.com/welfare.pigs.during.transport.html>
- 15.7 <https://www.spad.gov.my/sites/default/files/dasapelesenanrev13.pdf> PANDUAN DASAR PELESENAN SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (S.P.A.D).
- 15.8 The Merck Veterinary Manual, Eight Edition, 1998

Lampiran 1

PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:


1. Gunting
2. Pita
3. Gel Pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. *Non adhesive dressing*
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forcep
11. Normal saline
12. Termometer
13. Swab gauze
14. *Penlight*
15. Sanitizer
16. *Bandage*

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

NOTA

NOTA



www.dvs.gov.my